

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
SAMBUTAN SEMPENA PERAYAAN JUBLI
PERAK MTUC DI BANGUNAN MTUC,
PETALING JAYA PADA 1HB MEI, 1974

Y.B. Encik Yeoh Teck Chye, President MTUC, Y.B. Tan Sri Manikavasagam, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sukacita dapat hadir bersama-sama di sini pagi ini sebagai menunaikan jemputan dari Jawatankuasa Pusat MTUC bersempena dengan perayaan Silver Jubilee MTUC dan seterusnya merasmikan Bangunan baru MTUC ini.

Peristiwa perayaan hari ini sangat besar ertinya kepada kita semua khasnya ahli-ahli kesatuan yang bergabung dengan MTUC kerana kebetulan diadakan pada hari 1hb Mei yang dimulihkan oleh seluruh kaum pekerja yang dikenal sebagai Hari Pekerja Antarabangsa atau International Labour Day.

Saya suka juga mengambil peluang ini mengalu-alukan dif-dif dari luar negeri yang ada bersama-sama kita hari ini termasuklah mereka yang akan mengikuti sidang Asian Advisory Committee of the I.L.O. pada hari yang berikutnya. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya ucapkan "Selamat Datang" dan semoga mereka semua senang hati dengan persediaan dan layanan selama mereka berada di Kuala Lumpur. I would like to bid our guests a most hearty welcome to Kuala Lumpur and to Malaysia and hope they will have a pleasant stay during this period of celebrations and conference. Perhaps I might also suggest that they take some time off to visit our settlement schemes and other development projects besides the plantations and meet our people in their homes and everyday lives.

By this means they would be able to see the efforts we are making to give our people particularly the have-nots a better and higher standard of living and also to understand and realize some of the problems we are facing in building a united and modern society out of our peoples of various racial Origins. Above all, despite our problems and difficulties, they will find our people of various races warm, friendly and generous-hearted.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam ucapannya yang panjang lebar tadi, Presiden MTUC telah menyentuh beberapa perkara yang berhubung dengan Kesatuan Sekerja dan kepentingan kaum pekerja amnya. Bagi pihak Kerajaan, saya sukalah menyatakan penghargaan kepada MTUC atas sokongannya kepada Kerajaan dan persefahaman serta kerjasama yang telah diberikan kepada Kerajaan khususnya bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang sangat penting dan besar maknanya kepada rakyat dan Negara.

Saya suka menyatakan iaitu dalam pertemuan-pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin MTUC, mereka sedia merundingkan sesuatu issue dalam suasana yang baik dan semangat yang objective serta bersedia menimbangkan cadangan-cadangan dari Kerajaan demi menjaga kepentingan rakyat dan Negara. Saya percaya selagi terdapat sikap yang terbuka dan semangat ingin bekerjasama ini, kita akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja.

This spirit of understanding and co-operation is very important especially since we are in the midst of implementing the New Economic Policy and, at the same time, facing the nagging problem of inflation. I am very happy to say that following the amicable meeting between the Government and representatives of MTUC and MECA, we were able to implement the temporary relief allowances for our workers. This measure, which the Government originally initiated is being widely implemented by the private sector.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka juga menyatakan penghargaan Kerajaan kepada MTUC mengenai beberapa aspek kegiatannya yang bertujuan untuk meninggikan daya pengeluaran atau productivity ahli-ahlinya menerusi program latihannya samada secara sendiri ataupun bekerjasama dengan Kerajaan. Salah satu contoh yang baik ialah National Productivity Centre di mana Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada para pekerja dalam berbagai bidang supaya taraf kemahiran seorang pekerja itu boleh ditingkatkan kemampuannya untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik lagi.

Begitu juga dengan langkah-langkah yang diambil oleh MTUC dalam usaha membantu Kerajaan meringankan tekanan inflasi

serta memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih luas kepada ahli-ahlinya menerusi gerakan kerjasama. Kita semua maklum, kegiatan kerjasama amat berkesan sekali terutama dalam keadaan inflasi sekarang ini sekiranya kaum pekerja dapat menyusun tenaga menjalankan pembahagian barang-barang keperluan sendiri dengan harga yang berpatutan. Dengan cara ini bolehlah dijamin pendapatan mereka walaupun kecil dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan dapat berjimat kerana kalau membeli di luar harganya adalah lebih tinggi. Saya percaya program yang akan dijalankan oleh Syarikat Pernas Edar mengikut sistem "cash and carry" akan sama-sama memberi faedah kepada Syarikat Kerjasama di bawah anjuran MTUC. Inilah salah satu langkah positif Kerajaan untuk meringankan tekanan inflasi supaya taraf hidup rakyat dapat dikekalkan pada tingkatan yang sewajarnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam ucapannya tadi juga, Presiden MTUC ada menyentuh tentang hasrat ahli-ahli sekalian hendak mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Pada jangka panjangnya amatlah baik dalam usaha ini ditubuhkan semacam banking institution yang dipunyai oleh pekerja-pekerja dan dikendalikan oleh mereka sendiri. Sebenarnya perkara ini telahpun ditimbangkan oleh Tun Tan Siew Sin semasa beliau menjadi Menteri Kewangan dulu dan baru-baru ini pemimpin-pemimpin MTUC—Encik Yeoh, Encik Zaidi dan Encik P. P. Narayanan telah menemui saya untuk membincangkan hal ini.

I personally welcome this move as I believe that a greater participation by workers in the economic life of our country is a very good thing indeed. However, it is important for us to ensure that whatever financial institution we establish for the workers will be for their benefit, controlled and managed by them not only at the initial stage but for all time. With this in view, I have agreed, following discussions with your President, the Secretary General and Encik P. P. Narayanan together with Tan Sri Manikavasagam, the Minister of Labour and Manpower, that a Committee be set up comprising three representatives of the MTUC and three from the Government to examine the set-up and details of the financial institution which would ensure that it would serve the purpose we have in mind and meet the wishes and aspirations of the workers as well as safeguard their interest for all time. This Committee will make its recommendations as soon as possible.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya percaya dengan adanya bangunan baru MTUC ini, maka bolehlah dianggap ia sebagai lambang kematangan dan keteguhan MTUC sejak ia mula ditubuhkan dua puluh lima tahun dahulu. Kita patut memandang ke belakang meneliti detik-detik permulaan sejarah kebangkitan kaum pekerja di negara ini yang telah menempuh berbagai peristiwa dan cabaran. Bangunan ini adalah hasil kejayaan perjuangan tuan-tuan dan puan-puan menegakkan nama dan martabat kaum pekerja setanding dengan kaum pekerja di negara-negara lain di dunia. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah banyak berjasa dalam perjuangan itu yang boleh disifatkan sebagai satu sumbangan kepada kemerdekaan tanahair yang kita cintai ini.

Untuk mengingati ulang tahun kedua puluh lima MTUC dan sebagai penghargaan Kerajaan kepada jasa bakti kaum pekerja saya sukacita memberi sumbangan daripada Kerajaan untuk pembinaan Bangunan MTUC ini—contribution from the Government towards the cost of this building \$250,000 i.e. \$10,000 for every year of MTUC's life.

Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan MTUC ini dan serentak dengan itu juga merasmikan pelancaran perayaan Silver Jubilee MTUC.